

Tajuk: SISTEM TANGGAM TRADISI.

Kajian Akhir ini adalah dihantarkan kepada Jabatan Senibina, Institut Teknologi Mara sebagai sebahagian daripada syarat-syarat untuk mendapatkan Diploma Senibina daripada Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur, Institut Teknologi Mara.

Nama : Shamsul Azhar B. Ahmad Shaffie,
I/C I.T.M. : 85535365.

.....

Dibawah penyeliaan,
Nama : Encik Abdul Ghani Mohd Desa.

.....

Adalah disahkan bahawa laporan Kajian Akhir ini telah
dibaca dan disemak oleh :

Encik
Sebagai

Encik
Sebagai

Saya/ Kami bersetuju dan berpuashati didalam sekop kajian
dan nilai Kajian Akhir ini sebagai sebahagian daripada syarat-
syarat untuk mendapatkan Diploma Sambilan.

.....
Penyelia : En. Abdul Ghani Mohd Desa.

1.0 SISTEM TANGGAM TRADISI

1.1 PENDAHULUAN

Masyarakat moden masakini telah semakin melupakan segala bentuk peninggalan sejarah, walaupun sesuatu peninggalan tersebut adalah sesuatu yang cantik dan begitu unik serta tinggi nilainya. Sesuatu yang dianggap pelik dan bersejarah akan digelar 'antik' dan disimpan tanpa sesiapa mengetahui keujudannya dan asal usulnya. Begitu juga dengan peninggalan senibina dan sejarahnya. Peninggalan Rumah-rumah Melayu Tradisi sering dipandang sepi dan dianggap usang di celah-celah pembangunan dan kehidupan moden masakini. Tanpa disedari, kita sebenarnya telah semakin kehilangan bukti-bukti ketamadunan yang telah dibentuk semenjak sekian lama oleh 'datuk-nenek' kita.

Masyarakat masakini bukan sahaja telah melupakan bahan peninggalan sejarah tetapi juga telah semakin kehilangan mengenai panggilan dan pengistilahan terhadap sesuatu bahan peninggalan sejarah akibat lebih suka menggunakan bahasa lain yang dianggap lebih maju.

Walaupun terdapat juga golongan masyarakat yang menyedari perkara ini dan ingin mengetahui perkembangan sesuatu bahan tersebut, oleh kerana kurangnya pengkajian yang dilakukan, maka ia akan tetap begitu sahaja, sehingga sesuatu tindakan yang dilakukan secara

bersungguh-sungguh untuk mencungkil semula segala yang terpendam dalam pengetahuan pihak-pihak yang lebih berpengalaman disamping pengkajian terhadap bahan peninggalan yang masih wujud.

1.2 DEFINISI SISTEM TANGGAM.

'Sistem Tanggam' yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah cara sambungan terhadap bahan kayu yang digunakan pada pembinaan Rumah Melayu Tradisi. Sehingga kajian ini dilakukan, terdapat beberapa pemahaman dan pendapat mengenai pengertian terhadap bahan kajian tersebut.

1.2.1 Pengertian Darisegi Bahasa.

Perkataan 'tanggam' adalah dipercayai berasal dari bahasa Sanskrit.⁹ Walaupun makna asalnya tidak dapat dikesan, tetapi menurut pemahaman oleh masyarakat Melayu Kelantan, perkataan 'tanggam' adalah membawa pengertian 'pemasangan kerangka bangunan kayu diperingkat percubaan', dimana sebutan lengkapnya adalah berbunyi "tanggam-menanggam", sementara sebutan atau panggilan terhadap 'tanggam' yang dimaksudkan¹⁰ adalah "masuk".

Namun begitu terdapat juga pihak yang telah memanggil perkataan 'tanggam' sebagai 'sendi bangunan' dan juga 'penyepit'.

1.2.2.

Pengertian Darisegi Istilah.

Menurut pengertian istilah sebagaimana yang telah dikemukakan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, 'tanggap' adalah membawa pengertian "sambungan kayu bertakuk-takuk supaya dapat dihubungkan dengan rapat dan kukuh". John A Walton¹¹ ada menyatakan bahawa "tanggap adalah kepingan kayu yang diukir untuk sesuatu tugas tertentu. Dari pengalaman, nisbah sukatannya telah menjadi piawaian supaya mendapat kekuatan yang setingginya apabila kepingan tersebut disambungkan".

Sistem tanggam adalah merupakan cara sambungan kayu atau satu sistem yang menggabungkan setiap elemen tunggal bangunan supaya membentuk satu ikatan atau jalinan rangka yang kuat.

Sistem tanggam juga adalah merupakan suatu yang terpenting dan perlu diambil perhatian yang 'serius' ketika mendirikan Rumah Melayu Tradisi. Ini adalah kerana, kekuatan keseluruhan kerangka bangunan adalah bergantung kepada jalinan sistem tanggam tersebut.

1.3 KEPENTINGAN SISTEM TANGGAM

Dalam pembinaan Rumah Melayu Tradisi, kepentingan sistem tanggam sudah tidak dapat dinafikan lagi kerana tanpa tanggam bangunan tersebut tidak dapat didirikan.